

**STRES DALAM KALANGAN KANAK- KANAK BERBAKAT:
SATU KAJIAN KES**

NOR AIMI BIN HJ. HARUN

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN KHAS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2012

ABSTRAK

Penyelidikan ini telah menyingkap tentang bagaimana kanak-kanak berbakat mengalami stres dan apakah impak yang dihadapi. Selain itu persoalan tentang punca dan kesan stres yang dialami oleh kanak-kanak berbakat juga diperbincangkan secara mendalam dalam kajian ini. Metodologi yang digunakan adalah penyelidikan kualitatif kajian kes Intrinsik yang melibatkan pendekatan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Penyelidikan ini mengambil masa selama sembilan bulan bermula dari Mac 2010 hingga November 2010 dan menjurus kepada seorang kanak-kanak berbakat sebagai subjek kajian. Hasil kajian mendapati bahawa kanak-kanak berbakat tidak terlepas dari pengaruh stres. Kehadiran stres dapat dikenal pasti melalui beberapa simptom yang ditunjukkan oleh kanak-kanak terbabit. Kajian ini juga mendapati kehadiran stres berpunca dari beberapa faktor penyebab seperti sendiri, keluarga dan persekitaran. Kehadiran stres yang didorong oleh beberapa faktor penyebab telah memberi kesan yang besar dalam kehidupan kanak-kanak berbakat. Kesan stres yang dialami oleh kanak-kanak tersebut dapat dilihat dalam beberapa aspek seperti fizikal, psikologi dan tingkah laku. Hasil kajian ini amat penting diperkembangkan untuk membolehkan langkah pro aktif dapat segera dilaksanakan bagi menangani masalah stres dalam kalangan kanak-kanak berbakat.

ABSTRACT

This study has revealed about how gifted children experience stress and also the impact stress have upon them. Besides that, the cause and effect of stress shown by gifted children are also discussed in detail in this study. The methodology used is qualitative research and intrinsic case studies which involves interviews, observations and document analysis. This study was carried out for nine months starting from March 2010 to November 2010 and focuses on one gifted child as the research subject. Studies show that gifted children are not immuned from stress. The presence of stress is identified from several symptoms shown by the subject. This study shows that the presence of stress is due to several factors such as oneself, family and surroundings. The presence of stress has created a big impact in gifted children's lives. The stress experienced by these children is seen from several aspects such as physical, psychological and behavioural. The findings of this study are important in promoting proactive steps being taken to overcome the stress amongs gifted and talented children.



KANDUNGAN

	MUKA SURAT
HALAMAN JUDUL	
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1	
PENDAHULUAN	
1.1	1
1.2	3
1.3	5
1.4	8
1.5	8
1.6	9
1.7	10
1.8	12
1.8.1	12

1.8.2	<i>Intelligence Quotient (IQ)</i>	12
1.8.3	<i>Talented dan Giftedness</i>	13
1.8.4	Stres	13
1.8.5	Kanak-Kanak	13

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	14
2.2	Latarbelakang Sistem Pendidikan Pintar Cerdas Dan Berbakat Di Malaysia	15
2.3	Kanak-Kanak Berbakat Dan Ciri-Ciri	19
2.4	Pengujian IQ	25
2.5	Tujuan Penilaian IQ	26
2.6	Jenis-Jenis Alat Pengujian IQ	27
2.6.1	Ujian Skala Stanford-Binet	27
2.6.2	<i>Raven Progressive Matrices</i>	30
2.7	Formula Perkiraan IQ	31
2.8	Stres	34
2.9	Mekanisme Tindakbalas Stres Dari Segi Biologi	37
2.10	Tahap-Tahap Stres	43
2.11	Tanda dan Gejala Stres	45
2.12	Punca Stres	46
2.13	Model Stres-Teori Sindrom Adaptasi Am	52
2.14	Teori-Teori	54
2.14.1	Teori Behavaurisme	54
2.14.2	Teori Kognitif	55
2.14.3	Teori Tingkah laku Dan Biologikal	56

2.14.4	Teori Erik H.Erikson	57
2.14.5	Teori Psikoanalisis	59
2.15	Sorotan Kajian Lepas	63
2.16	Kesimpulan	77
2.17	Kerangka Konseptual	79
2.18	Rumusan	82
BAB 3 METODOLOGI		
3.1	Pengenalan	83
3.2	Rekabentuk Kajian	83
3.3	Pemboleh Ubah	84
3.4	Sampel Kajian	85
3.5	Lokasi Kajian	88
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	90
3.6.1	Temubual	91
3.6.2	Analisis Dokumen	92
3.6.3	Pemerhatian	93
3.7	Instrumen Kajian	96
3.8	Jangka Masa Kajian	102
3.9	Prosedur Pengumpulan Data	104
3.10	Pengurusan Data	106
3.11	Analisis Data	108
3.12	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	108
3.12.1	Triangulasi	109
3.12.2	<i>Member Check</i>	111
3.12.3	Refleksiviti Penyelidik	111

3.12.4	Pemerhatian Jangka Panjang	112
3.13	Etika Dan Kerahsiaan	114
3.13.1	Menilai Kemudaratan	115
3.13.2	Keizinan Termaklum	116
3.14	Prosedur Penyelidikan	116
3.15	Kesimpulan	117

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	118
4.1	Persoalan 1: Adakah Kanak-kanak Berbakat Mengalami Stres ?	119
4.1.1	Skala Pengukuran Stres Remaja Holmes dan Rahe	120
4.1.2	Penurunan Prestasi Akademik	121
4.1.3	Pelajar <i>Underachievement</i>	123
4.1.4	Menolak Aktiviti Yang Diminati	127
4.1.5	Kerap Bertukar Sekolah	129
4.1.6	Tidak Ramai Rakan	132
4.2	Persoalan 2: Apakah Simptom-simptom Atau Ciri-Ciri Stres Yang Dihadapi Oleh Kanak-Kanak Berbakat ?	134
4.2.1	Simptom Fizikal	135
4.2.1.1	Perubahan Berat Badan	135
4.2.2	Simptom Emosi	136
4.2.2.1	Mengalami PTSD	136
4.2.2.2	Hilang Keyakinan Diri	140
4.2.2.3	Hilang Kepercayaan	143
4.2.2.4	Masalah Mood	144

4.2.3	Masalah Tingkah Laku	146
4.2.3.1	Kurang Kecekapan Diri	146
4.2.3.2	Kurang Produktiviti Kerja	147
4.2.3.3	Bercakap Kuat dan Cepat	149
4.2.3.4	Tingkah Laku Agresif	151
4.2.3.5	Tingkah Laku Negatif	152
4.2.3.6	Kurang Pergaulan (Isolasi)	154
4.2.3.7	Menidakkan Keupayaan Kendiri	156
4.3	Persoalan 3: Faktor-Faktor Penyebab/ Punca	160
4.3.1	Faktor Kendiri	161
4.3.1.1	Gelaran Gifted	161
4.3.1.2	Tekanan Kendiri	166
4.3.1.3	Jangkaan Tinggi Dan Perfektionis	167
4.3.1.4	Bosan	173
4.3.1.5	Perubahan Transisi	177
4.3.1.6	Perkembangan Tidak Seimbang	181
4.3.1.7	Masalah Kemahiran Sosial	183
4.3.2	Faktor Keluarga	185
4.3.2.1	Gaya Asuhan	186
4.3.2.2	Tekanan Ibu Bapa	188
4.3.2.3	Terlalu 'Protectation'	192
4.3.2.4	Menentukan Arah Tuju Anak	195
4.3.2.5	Berpisah Dengan Keluarga	198
4.3.3	Faktor Persekitaran	200
4.3.3.1	Sistem Pendidikan	201

4.3.3.1.1	Penekanan Peperiksaan	201
4.3.3.2	Sekolah	203
4.3.3.2.1	Guru	204
4.3.3.2.1.1	Sikap Yang Tidak Profesional	204
4.3.3.2.1.2	Cara Pengajaran	210
4.3.3.2.1.3	Kaedah Pengajaran	215
4.3.3.2.1.4	Guru Tidak Terlatih	219
4.3.3.2.1.5	Sindrom Eksploitasi	224
4.3.3.2.2	Faktor Kelas	225
4.3.3.2.2.1	Pembelajaran Inklusif	225
4.3.3.2.2.2	Kepadatan Dan Kesesakan	227
4.3.3.2.3	Rakan-Rakan	229
4.3.3.2.3.1	Penerimaan Negatif Rakan	229
4.3.3.2.3.2	Faktor Elitisme	231
4.3.3.2.3.3	Kegagalan Menerima Orang Lain	234
4.3.3.2.3.4	Masalah Komunikasi	235
4.3.3.2.3.5	Dicemburui	237
4.3.3.2.4	Kawasan Kediaman	239
4.3.3.2.4.1	Penempatan Elit	239
4.4	Persoalan 4: Apakah Kesan-Kesan Stres Terhadap Kanak-Kanak Berbakat?	241
4.4.1	Fisiologi	242
4.4.2	Psikologi Dan Emosi	244
4.4.3	Tingkah Laku	251
4.5	Kesimpulan	259

BAB 5**PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

5.0	Pengenalan	260
5.1	Perbincangan Dan Rasionalisasi	261
5.1.1	Pengaruh Stres Dalam Transisi	261
5.1.2	Tindakbalas Biologi Terhadap Stres	268
	5.1.2.1 Fisiologi	268
	5.1.2.2 Psikologi	270
	5.1.2.3 Tingkah Laku	271
5.2	Kesimpulan	272
5.3	Cadangan	273
	5.3.1 Cadangan Kendiri	274
	5.3.2 Cadangah Ibu Bapa	277
	5.3.3 Cadangan Guru	281
	5.3.4 Cadangan Sekolah	287
	5.3.5 Keperluan Jabatan Pendidikan Pintar Cerdas	289
5.4	Syor Kajian	292
	RUJUKAN	294
	RUJUKAN AM	302
	LAMPIRAN A	305
	LAMPIRAN B	307
	LAMPIRAN C	309
	LAMPIRAN D	310
	LAMPIRAN E	311
	LAMPIRAN F	312


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS			
N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
LAMPIRAN G			313
LAMPIRAN H			316
LAMPIRAN I			317
LAMPIRAN J			318



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
Jadual 2.6.1	Kelompok Dan Faktor Dalam Skala Standard-Binet	29
Jadual 2.6.2	Skala <i>Raven Progressive Matrices</i>	31
Jadual 2.7.1	Jadual Perkiraan IQ	32
Jadual 2.7.2	Pengelasan I.Q bagi Skala Stanford-Binet	33
Jadual 3.4	Perbandingan Kriteria Pemilihan Sampel	86
Jadual 3.4.1	Kriteria Berbakat	87
Jadual 3.4.2	Simptom-Simptom Stres	88
Jadual 3.5	Data Analisis Keputusan Peperiksaan PMR Dan SPM 2007,2008 Dan 2009- SMK.Methodist (ACS)	88
Jadual 3.5.1	Kedudukan Gred Purata Sekolah (GPS) Lima Terbaik SPM Daerah Manjung Bagi Tahun 2007, 2008 Dan 2009.	89
Jadual 3.6.3	Rekod Pencerapan	95
Jadual 3.7	Jadual Skor Dan Risiko Stres	98
Jadual 3.8	Jangka Masa Kajian	103
Jadual 3.10	Pengkodan responden	107
Jadual 3.12.1	Tringulasi Maklumat	110
Jadual 3.12.4	Pemerhatian Jangka Panjang	113
Jadual 4.1	Indikator Stres	119
Jadual 4.1.1	Analisis Skala Stres Remaja Holmes & Rahe	120
Jadual 4.1.2	Jadual Perbandingan Pencapaian Prestasi Akademik	122
Jadual 4.1.3	Perbezaan Potensi Dan Tahap Pencapaian	123

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
Jadual 4.1.3.1	Jadual Penglibatan/ Tanggungjawab 2010	124
Jadual 4.1.4	Rekod Kegiatan Ko Akademik	128
Jadual 4.1.5	Bilangan Sekolah Dan Tahun Menduduki	130
Jadual 4.2	Simptom Stres	134
Jadual 4.3	Faktor Stres	160
Jadual 4.3.1.4	Analisis Rekod Persampelan Masa	176
Jadual 4.3.1.4.1	Jadual Rekod Pencerapan	177
Jadual 4.4	Kesan Dan Simptom Stres	241
Jadual 4.4.1	Jadual Risiko Skala Stres Remaja Holmes Dan Rahe	244



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
Rajah 2.9	Organisasi Sistem Saraf	38
Rajah 2.1.3	Tahap Teori Sindrom Adaptasi Am	53
Rajah 2.1.7	Kerangka Konseptual	80
Rajah 5.3.3	Objektif Am Program Bimbingan Dan Kaunseling	285

SENARAI SINGKATAN

1. NAGC Persatuan Kanank-Kanak Bergeliga Malaysia
(*National Association for Gifted Children, Malaysia*)
2. PPD Pejabat Pendidikan Daerah
3. PIPP Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
4. CM Sentimeter
5. SEMESTI Sekolah Menengah Sains Teluk Intan
6. IQ Intelligence Quotient
7. PCA Pintar Cerdas Akademik
8. PCB Pintar Cerdas Berbakat
9. MARA Majlis Amanah Rakyat
10. PSTD *Post Traumatic Stress Disorder*
(Kecelaruhan Tekanan Pascatraumatik)
11. UPSR Ujian Penilaian Sekolah Rendah
12. PMR Penilaian Menengah Rendah
13. SPM Sijil Pelajaran Malaysia
14. MRSM Maktab Rendah Sains Mara
15. UKM Universiti Kebangsaan Malaysia
16. KPM Kementerian Pelajaran Malaysia
17. JPN Jabatan Pendidikan Negeri

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	MUKA SURAT
A - Contoh Koding Temu bual	305
B - Contoh Koding Pemerhatian	307
C - Perlantikan Sebagai Penyelia Bagi Pelajar Sarjana (Mod B)	309
D - Pengesahan Status Pelajar	310
E - Pengesahan Pelajar Untuk Membuat Penyelidikan	311
F - Kelulusan Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah, Institut Perguruan, Jabatan Pelajaran Negeri dan Bahagian-Bahagian di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia	312
G - Keputusan Pembentangan Cadangan Penyelidikan Pelajar Sarjana Pendidikan	313
H - Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa Disertasi Sarjana Pendidikan- Peperiksaan Lisan	316
I - Pengesahan Pembetulan Dan Kelulusan Penjilidan Disertasi	317
J - Pengesahan Tamat Pengajian	318

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Di Malaysia, *Gifted and Talented* secara umumnya dirujuk sebagai Pintar Cerdas dan Berbakat. Perkataan *gifted* bermula dari falsafah Greek, iaitu perkataan 'genio', yang merujuk kepada kepelbagaian kebolehan artis tetapi tidak semestinya unik (Friedman dan Rogers, 1998). *Talent* menurut Piirto (1999), berasal dari perkataan Latin yang bermaksud 'sejumlah wang', namun maknanya telah berkembang merujuk kepada kebolehan semulajadi yang berkait dengan *Gospel* (berkaitan pendakwah kristian yang melibatkan prinsip, sesuatu yang dianggap benar).

Terman (1925) dalam Galbraith dan Delisle (1996), mentakrifkan *gifted* dan *talented* secara bersama sebagai domain kepintaran atau kecerdikan. Gagne (1999), juga menegaskan bahawa walaupun terdapat perbezaan dari segi definisi, namun mempunyai maksud yang sama, iaitu antara 'ruang kebolehan' dan 'perkembangan

kebolehan'. Dari segi heiraki, Porter (1999), telah meletakkan *talent* sebagai kebolehan istimewa yang lebih tinggi heiraknya dari *gifted* dan kebelakangan ini terma *talented* lebih dominan digunakan untuk menggantikan terma *gifted*.

Berdasarkan beberapa pendapat tersebut, penyelidik amat bersetuju dengan pandangan Porter (1999) bahawa kanak-kanak *gifted and talented* ditakrifkan sebagai kanak-kanak berbakat (*talented*). Takrifan tersebut selari dengan pandangan Gardner (2006) melalui *Theory of Multiple Intelligence* yang tidak meletakkan kecerdikan pintar cerdas hanya merujuk kepada kebolehan logik-matematik atau kecerdasan linguistik (bidang akademik) sahaja, tetapi merangkumi kecerdasan muzikal, kecerdasan visual-spatial, kecerdasan kinestetik, kecerdasan interpersonal, kecerdasan intrapersonal dan kecerdasan naturalis.

Apabila disebutkan kanak-kanak berbakat, ramai yang menggambarkan tentang kelompok kanak-kanak yang memiliki sifat-sifat hebat dan luar biasa serta mencapai tahap ujian *Intelligence Quotient* (IQ) melepasi aras 120 atau 130 mata (Seeley, 1998). Gambaran yang lain termasuklah mereka adalah golongan istimewa yang menjalani hidup yang senang dan lancar berbanding kanak-kanak biasa yang lain. Salah konsep dan salah tafsir tentang kanak-kanak berbakat ini berlaku sejak zaman silam lagi (Storfer, 1990). Konsep yang 'stereotaip' dan kaku ini tidak memberi gambaran yang tepat kepada golongan ini.

Hakikatnya, individu yang berbakat tidak berbeza dengan kanak-kanak yang lain. Bagaimana pun ini tidak bermakna mereka adalah sama dari semua aspek dengan semua orang. Aspek yang membezakan kanak-kanak biasa dengan mereka yang berbakat, bukan kecerdasan semata-mata tetapi keistimewaan tertentu yang dimiliki (Ng Sin Fa, 2006).

Menurut Ng Sin Fa (2006), golongan ini juga berhadapan dengan cabaran yang tersendiri dalam kehidupan. Dalam aspek ini Galbraith dan Delisle (1996) menyatakan bahawa kanak-kanak berbakat turut berhadapan dengan stres. Dalam situasi tersebut unsur stres seringkali dilihat sebagai sesuatu aspek negatif yang boleh memberi kesan buruk terhadap seseorang. Pandangan tersebut bersandarkan takrifan Lahey (2001) yang menyatakan stres sebagai satu keadaan yang tidak selesa dan ancaman yang tidak sihat kepada seseorang individu. Stres boleh berlaku apabila tahap keupayaan dan kebolehan seseorang individu tidak dapat mengimbangi atau mengatasi tuntutan situasi sekelilingnya (Grath, 1976).

Pandangan tersebut diterjemahkan oleh Noerwaty Ghazali (2008) dengan menyatakan bahawa setiap pelajar boleh mengalami stres tanpa mengira aliran harus diambil perhatian yang serius. Masalah tersebut juga harus dilihat dalam aspek kanak-kanak berbakat dan rangsangan stres. Kebimbangan yang menyatakan bahawa kanak-kanak berbakat juga turut mengalami stres ada asasnya berdasarkan kenyataan Gardner (1999) bahawa separuh dari populasi pelajar pintar cerdas menghadapi tekanan disebabkan ketidaksepadan di antara kebolehan mereka dengan pencapaian di sekolah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kewujudan kanak-kanak berbakat telah menjadi perhatian umum, mereka disensasikan dan seringkali diletakkan harapan dan kepercayaan yang tinggi untuk mencapai sesuatu yang ajaib atau mengagumkan. Berpandukan kepada kepercayaan yang stereotaip itu, mereka 'dibentuk' dan 'dipaksa' untuk menjadi cemerlang.

Apakah hasilnya nanti akan cemerlang atau sebaliknya?. Adakah mereka gembira dan berjaya dengan bentuk kehidupan yang dilalui atau sebaliknya. Menurut Keasey (1998), ramai kanak-kanak yang dikenali sebagai pintar cerdas dan berbakat tidak dapat memenuhi impian dan cita-cita mereka. Gardner (1999) juga menyatakan bahawa terdapat ramai kanak-kanak pintar cerdas yang 'terkial-kial' dari 'berkembang' dalam sistem pendidikan.

Tambah Galbraith dan Delisle (1996), pencapaian skor IQ memberi makna yang sangat kecil. Ini kerana ketinggian pencapaian IQ tidak dapat menjamin kejayaan seseorang. Ng Sen Fa (2006) berpendapat, faktor yang boleh mempengaruhi kejayaan atau kejatuhan seseorang kanak-kanak pintar cerdas dan berbakat sepanjang perjalanan kehidupannya adalah stres. Pendapat tersebut bersesuaian dengan pandangan Hatta Sidi dan Mohamed Hatta Shahrom (2002), yang mengatakan faktor stres akan memainkan peranan sebagai faktor pendorong kejayaan ataupun di sebaliknya. Mereka telah meletak unsur stres kepada tiga ketogeri utama iaitu sendiri, keluarga dan persekitaran. Sekiranya terdapat unsur stres dalam salah satu atau ketiga-tiga aspek tersebut, ia seharusnya dikawal agar kesan yang negatif tidak berlaku terhadap diri kanak-kanak terbabit pada masa depan. Sebagai contoh, Willie Sidis yang menjadi pensyarah di Universiti Harvard pada umur 11 tahun telah menyalahkan bapanya kerana menjadikan beliau sebagai tumpuan media. Akibat tekanan, beliau menolak terus aktiviti intelektualan, dan akhirnya mati pada umur 46 tahun di sebuah bilik sewa di Boston, Amerika (Galbraith dan Delisle, 1996). Sufiah, pelajar Universiti Harvard pula telah menjadi pelacur (Dolan, 2008), Adi Putra berasa bosan dengan sistem persekolahan umum (KOSMO, 2008), dan ramai lagi kanak-kanak pintar cerdas dan berbakat yang kecewa dalam kehidupannya. Menurut Ng Sen Fa (2006), yang memetik pandangan Hollingworth (1971), pelajar pintar cerdas dan

berbakat yang kecewa dengan pengalaman persekolahan akan bersikap dingin dan apati. Menurut Lim Kit Siang (1997), kajian yang dilakukan oleh penyelidik di Universiti Malaya mendapati banyak kes pelajar pintar yang diletakkan di kelas yang sesuai berdasarkan usia, bukan kepintaran, akhirnya tidak ke mana-mana. Ini kerana mereka akan cepat jemu belajar apa yang mereka sudah tahu. Lim Kit Siang (1997) menjelaskan, terdapat anggaran sekitar 300,000 orang kanak-kanak berbakat di seluruh Malaysia pada tahun 1997. Namun sehingga hari ini mereka tidak menyerlah, malah seolah-olah lenyap begitu sahaja.

Sejarah telah membuktikan bahawa ramai kanak-kanak berbakat gagal dalam kehidupan mereka akibat stres yang gagal dikawal (Ng Sen Fa, 2006). Kegagalan mereka adalah refleksi terhadap kegagalan kita secara kolektif untuk memahami dan membantu golongan ini. Kegagalan mereka merupakan kerugian kepada semua pihak. Oleh sebab itu, semua pihak harus sedar tentang fenomena ini dan mula mengambil langkah proaktif untuk memperbaiki keadaan ini. Satu mekanisme yang konkrit harus dilakukan oleh semua pihak untuk melindungi dan menyediakan satu sistem pendidikan yang sesuai agar dapat membantu perkembangan potensi kanak-kanak istimewa tersebut.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini telah melihat dan merungkai fenomena stres yang mungkin mengganggu perjalanan kecemerlangan seorang kanak-kanak berbakat sehingga beliau mengalami masalah emosi dan tingkah laku. Berdasarkan penyelidikan awal yang telah dijalankan, kanak-kanak tersebut menunjukkan simptom-simptom seperti

kemurungan, sensitif, hilang minat, kurang aktif, kerap bertukar sekolah, dan suka mengasingkan diri. Prestasi akademik kanak-kanak tersebut juga menurun dan lebih mengejutkan apabila kanak-kanak tersebut mempunyai kecenderungan untuk mencederakan orang lain.

Berczi (1997) merujuk kepada kajian klinikal stres yang dijalankan oleh Hans Selye mendapati seorang pesakit yang hilang selera makan, hilang daya tahan, mudah putus-asa serta menderita tekanan darah tinggi, tanpa mengalami risiko penyakit fizikal yang teruk. Dari kajian tersebut, Hans Selye mendapati pesakit tersebut mengalami masalah tekanan emosi, yang secara tidak langsung membawa kepada tindak balas terhadap keseluruhan sistem tubuh badannya. Ia dirumus sebagai 'tindak balas tidak khusus', yang berlaku pada tubuh terhadap sebarang tuntutan atau permintaan

Daripada permasalahan yang dinyatakan, penyelidik merumuskan bahawa masalah yang dihadapi oleh responden dan pesakit dalam kajian Hans Selye mempunyai persamaan. Jika dilihat secara mendalam permasalahan yang dihadapi oleh kanak-kanak dan pesakit tersebut, secara dasarnya berkisar tentang satu unsur, iaitu mereka menghadapi tekanan. Unsur tekanan yang dimaksudkan adalah stres. Kajian Aldwin (1994) membuktikan bahawa terdapat penurunan sistem pertahanan badan akibat stres. Aldwin (1994) melihat stres memberi kesan kesihatan terhadap individu yang mengakibatkan kebimbangan, keletihan, ketegangan dan penyakit.

Dapatan kajian tersebut juga selari dengan kenyataan Melgosa (2001), bahawa kesan stres yang wujud dalam bentuk seperti mudah rasa bosan, atau hampa ketika mengharungi kehidupan seharian, lama-kelamaan boleh berakhir sebagai penyakit kemurungan .

Secara umumnya, kajian ini telah melihat permasalahan yang dihadapi oleh kanak-kanak berbakat dalam memenuhi segala tuntutan dalaman dan luaran ke atas diri mereka. Apa yang dikhuatiri, segala tuntutan yang dihadapi oleh kanak-kanak tersebut boleh mengakibatkan stres. Stres yang gagal dikawal dan dikendalikan dengan baik pasti memudaratkan kanak-kanak terbabit.

Permasalahan yang dihadapi oleh kanak-kanak berbakat tersebut dapat dirujuk kepada pandangan Hatta Sidi dan Mohemed Hatta Shahrom (2002) yang menyatakan bahawa apabila tekanan tidak dapat dikurangkan, seseorang boleh menjadi tegang, sukar membuat keputusan dan berfikir, serta mudah melenting apabila menerima kritikan. Selain itu, kesan stres juga melibatkan perubahan tingkahlaku, seperti suka mengasingkan diri, tidak mudah dirapati serta sukar bergaul (Greenberg, 1987).

Stres yang dihadapi secara berlebihan dan berpanjangan boleh mendatangkan kemudaratkan. Kemudaratkan itu berlangsung secara jangka pendek dan jangka panjang, secara dalaman dan luaran. Sebagaimana yang dikatakan oleh Galbraith dan Delisle (1996), harapan yang tinggi, taksu terhadap kesempurnaan, kepelbagaian potensi dan kebosanan adalah sebahagian punca stres yang dialami oleh kanak-kanak pintar cerdas dan berbakat.

Oleh itu sebarang usaha untuk mencegah dan menguruskan stres bagi melindungi kanak-kanak terbabit adalah satu langkah yang bijak dan perlu dipandang serius oleh semua pihak. Justeru, kajian khusus stres dalam kalangan kanak-kanak berbakat yang dijalankan diharap dapat melindungi kanak-kanak terbabit agar bakat dan potensi diri mereka tidak berkubur begitu sahaja. Dalam aspek yang lebih besar, Malaysia tidak harus lagi terus ketinggalan dan terpinggir dalam membangunkan potensi yang dimiliki oleh kanak-kanak berbakat. Tumpuan seharusnya diberikan

terhadap pembangunan modal insan yang berpotensi, sejajar dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006).

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah :

- i. Untuk mengesan kewujudan stres yang dihadapi oleh kanak-kanak berbakat
- ii. Untuk mengenal pasti ciri-ciri stres yang dihadapi oleh kanak-kanak berbakat
- iii. Untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menimbulkan stres terhadap kanak-kanak berbakat
- iv. Untuk mengenal pasti kesan-kesan stres terhadap kanak-kanak berbakat

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menjawab soalan kajian berikut:

- a. Adakah kanak-kanak berbakat mengalami stres?
- b. Apakah ciri-ciri stres yang dihadapi oleh kanak-kanak berbakat ?
- c. Apakah faktor-faktor yang menimbulkan stres terhadap kanak-kanak berbakat ?
- d. Apakah kesan-kesan stres terhadap kanak-kanak berbakat?